

Penjaja wanita gigit penguat kuasa DBKL didenda RM3,000

3 lagi suspek halang petugas penguat kuasa turut dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Wanita yang tular kerana enggan bekerjasama dan menggigit penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dihukum denda RM3,000.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman, berkata wanita tempatan berusia 30 tahun itu dituduh di mahkamah, di sini, kelmarin.

“Wanita itu dituduh mengi-



Operasi bersepadu KL Strike Force di Pasar Selayang, kelmarin.
(Foto FB DBKL)

kut Seksyen 186 Kanun Keseksanan (menghalang tugas penjawat awam) dan dia mengaku bersalah sebelum dijatuhkan hukuman denda RM3,000 oleh mahkamah,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dalam satu lagi kes menghalang petugas DBKL, kertas siasatan membabitkan tiga suspek lelaki tempatan berusia 15 hingga 39

tahun akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan seterusnya.

Terdahulu, media melaporkan, penguat kuasa DBKL cedera diserang penjaja tidak berlesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, dalam dua kejadian berasingan.

DBKL dalam kenyataan berkata, dua laporan polis dibuat ber-

hubung kejadian mendatangkan kecederaan kepada penguat kuasa.

Susulan itu, empat individu ditahan.

Sebelum itu, tular di media sosial memaparkan seorang penjaja wanita bergelut dengan beberapa penguat kuasa DBKL yang sedang menjalankan tugas di sekitar ibu negara.

Difahamkan, kejadian itu berlaku selepas DBKL cuba menyita kenderaan wanita berkenaan.

Teruskan pemantauan

Sementara itu, empat penjaja warga asing antara enam individu dikenakan tindakan menerusi operasi bersepadu KL Strike Force di Pasar Selayang, di sini, kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan di Facebook berkata, pelbagai barangan perniagaan yang menghalang laluan awam di sita serta-merta.

“Semua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, di sini, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti,” menurut hantaran itu.

Sebarang aduan berkaitan boleh disalurkan menerusi pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.